

543:

MAHATHIR

1975

MIRI, 28 APRIL (BERNAMA) -- KEJAYAAN RANCANGAN PELAJARAN TIDAK BERGANTONG KEPADA BANYAK MANA WANG YANG DIBELANJAKAN, KATA MENTERI PELAJARAN DR. MAHATHIR MOHAMED.

APA YANG PENTING IALAH KERJASAMA PENUH DARI SEMUA LAPISAN RAKYAT DAN ADANYA GURU-GURU YANG TERLATIH.

BERUCAP DALAM SATU JAMUAN BAGI MERAIKANNYA DI SINI MALAM TADI, DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN BOLEH MENGADAKAN BANGUNAN-BANGUNAN YANG BAIK DAN SEGALA KEMUDAHAN.

+TETAPI INI SEMUA TIDAK BERERTI JIKA TIDAK ADA GURU-GURU YANG TERLATIH,+ TAMBAHNYA.

BELIAU MENYERU SEMUA GURU SUPAYA BERSEDIA BERKORBAN UNTUK BERBAKTI DI KAWASAN-KAWASAN PEDALAMAN DIMANA PERKHIDMATAN MEREKA SANGAT-SANGAT DIPERLUKAN.

DR. MAHATHIR MENEGASKAN BAHAWA KERAJAAN TIDAK BERUPAYA MEMBINA SEKOLAH DI SETIAP KAMPUNG +KERANA ITU IBUBAPA HENDAKLAH BERSEDIA MENGHANTAR ANAK-ANAK MEREKA KE SEKOLAH YANG BERHAMPIRAN.+ -- BERNAMA 1423/AT